

SALURAN ADUAN INTEGRITI



BORANG ADUAN

www.portal.doa.gov.my/eintegriti



HADIR SENDIRI
Unit Integriti

Aras 14, Wisma Tani, Jabatan Pertanian
Presint 4, Putrajaya



EMAIL

aduanintegriti@doa.gov.my



ATAU HUBUNGI UNIT INTEGRITI

03-88703166

1. SEKSYEN 189 KANUN KESEKSAAN : UGUTAN BENCANA KEPADA PENJAWAT AWAM

“Barang siapa mengadakan apa-apa ugutan bencana kepada seseorang penjawat awam, atau kepada seseorang yang ia percaya penjawat awam itu ada kepentingan dengannya, bagi maksud hendak mendorong penjawat awam itu supaya melakukan apa-apa perbuatan atau supaya jangan melakukan atau supaya melengah melakukan apa-apa perbuatan, yang berhubung dengan perjalanan kerja-kerja jawatan penjawat awam itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.”



2. PROGRAM BICARA KELESTARIAN INTEGRITI JABATAN PERTANIAN SIRI 1/2021

Putrajaya, 10 Februari 2021 – Telah berlangsung Program Bicara Kelestarian Integriti bertajuk Seksyen 189 Kanun Keseksaan – Ugutan Bencana Kepada Penjawat Awam secara atas talian dan ceramah telah disampaikan oleh Pegawai PDRM Bukit Aman, Kuala Lumpur.

3. PERMOHONAN APPROVED PERMIT (AP) KELAPA TUA BIJI

Permohonan AP kelapa tua biji hanya dibenarkan kepada pengilang bagi pemprosesan produk berasaskan kelapa sahaja. Pengimportan kelapa tua biji bagi edaran segar ke pasaran tempatan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.


Untuk maklumat dan keterangan lanjut mengenai permohonan AP kelapa tua biji, sila layari www.doa.gov.my.



4. SURAT PENGESAHAN MAJIKAN BAGI TUJUAN URUSAN PINJAMAN KEWANGAN

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Jabatan Pertanian Bilangan 3 Tahun 2020 yang bersidang pada 30 November 2020 telah bersetuju supaya semua pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian yang ingin memohon Surat Pengesahan Majikan bagi tujuan pinjaman peribadi/perumahan atau setara adalah diselaraskan oleh Seksyen Perkhidmatan Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pertanian.

Permohonan pinjaman tersebut boleh dimajukan kepada perkhidmatanhq@doa.gov.my beserta slip gaji dan maklumat potongan bulanan pinjaman baharu untuk tindakan selanjutnya.



Penjarakan Fizikal



Sentiasa Memakai Pelitup Muka



Selalu Membasuh Tangan

**Jika setiap rakyat di negara ini
kekalkan disiplin dan patuhi SOP,
maka kita pasti akan dapat memutuskan
rantai jangkitan Covid-19.**

